

**Sultan Kelantan Berbuka Puasa Bersama Warga M'sia Di Dubai**  
**Bernama**  
**23 Julai, 2012**

KUALA LUMPUR, 23 Julai (Bernama) -- Sultan Kelantan, Sultan Muhammad V berangkat menghadiri majlis berbuka puasa di Dubai bersama kira-kira 150 warga Malaysia di Emiriyah Arab Bersatu (UAE), Sabtu lepas.

Baginda, yang juga Timbalan Yang di-Pertuan Agong, diiringi Duta Besar Malaysia ke UAE, Datuk Ahmad Anwar Adnan, Konsul Jeneral Malaysia di Dubai, Ahmad Fadil Shamsuddin serta ketua-ketua agensi kerajaan Malaysia di UAE.

"Semua warga Malaysia yang hadir pada majlis itu berasa bangga dan terharu kerana dalam kesibukan Tuanku Sultan, baginda masih meluangkan masa untuk bersama rakyat jelata," kata Ahmad Fadil, dalam satu kenyataan kepada Bernama.

Kehadiran mereka ialah atas jemputan pihak konsulat dan Persatuan Komuniti Malaysia (MY-UAE) Dubai.

"Keberangkatan baginda untuk bersama komuniti Malaysia itu mencerminkan bahawa rakyat sentiasa dalam ingatan dan perhatian baginda," tambah beliau mengenai majlis anjuran Konsulat Jeneral Malaysia di Dubai itu.

Ahmad Fadil berkata sehingga Jun lepas, dianggarkan 5,500 warga Malaysia berada di UAE dengan kesemuanya merupakan profesional yang bekerja dalam sektor kewangan, perbankan Islam, minyak dan gas, kejuruteraan dan sebagainya.

Kebanyakan mereka menetap di Dubai dan Abu Dhabi manakala segelintir menetap di Ras Al Khaimah dan Sharjah.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=682628>



